

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.


Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan pada 31 Disember 2009 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(SAADATUL NAFISAH BINTI BASHIR AHMAD)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 JUN 2010




PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROFESOR DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2009 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,


.....

NAMA : **Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah
bin Che Othman**
GELARAN : Pengerusi Lembaga
TARIKH : **27 APR 2010**
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan



.....


NAMA : **Profesor Dato' Ir. Dr.
Zainai bin Mohamed**
GELARAN : Naib Canselor
TARIKH : **27 APR 2010**
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya ZAINAI BIN MOHAMED, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh Penama di atas)
di (tempat)..... **KOTA BHARU**)
pada **27 APR. 2010**.....)


.....
511129-03-5277
Di hadapan saya,



Lot 2-1, Kompleks Mara,
Jalan Dato' Pati,
15000 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09-744 3376

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	39,101,975	27,405,745
PROJEK DALAM KEMAJUAN	5	79,899,494	58,388,630
ASET SEMASA			
Penghutang	6	1,619,820	466,090
Penghutang pelbagai	7	137,545	128,955
Deposit dan bayaran terdahulu	8	2,657,360	1,359,981
Wang di tangan dan baki di bank	9	81,304,430	55,822,046
JUMLAH ASET SEMASA		85,719,155	57,777,072
Tolak:			
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	10	1,436,752	1,116,020
Deposit dan pelbagai terakru	11	1,121,717	219,294
JUMLAH LIABILITI SEMASA		2,558,469	1,335,314
ASET SEMASA BERSIH		83,160,686	56,441,758
JUMLAH ASET BERSIH		202,162,155	142,236,133
DIBIAYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG MENGURUS	12	44,583,184	37,806,714
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	13	111,864,596	83,158,201
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	14	250,694	310,228
TABUNG DAN AKAUN AMANAH	15	36,493,296	13,500,111
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	16	7,000,000	7,000,000
		200,191,770	141,775,254
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Manfaat pekerja jangka panjang	17	1,970,385	460,879
		202,162,155	142,236,133

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN			
Pemberian kerajaan	18	54,161,400	30,283,357
Yuran pengajian	19	2,850,150	1,421,791
Pendapatan-pendapatan lain	20	443,123	1,960,391
JUMLAH PENDAPATAN		57,454,673	33,665,539
PERBELANJAAN			
Emolumen			
Gaji dan upahan		8,724,590	5,692,843
Elaun-elaun tetap		3,792,180	2,495,514
Sumbangan berkanun untuk kakitangan		1,505,081	1,019,324
Elaun lebih masa kakitangan		540,171	266,119
Faedah-faedah kewangan yang lain		224,054	506,853
		14,786,076	9,980,653
Perkhidmatan dan bekalan			
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		3,266,424	2,298,053
Pengangkutan barang-barang		14,616	44,335
Perhubungan dan utiliti		1,466,913	769,261
Sewaan		7,485,702	3,155,029
Bekalan bahan makanan dan minuman		73,736	18,446
Bekalan bahan mentah dan alat ganti		211,174	176,707
Bekalan dan bahan-bahan lain		10,064,085	3,788,437
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil		533,334	294,846
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti		7,763,092	3,511,059
		30,879,076	14,056,173
Pemberian dan kenaan bayaran tetap			
Biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajar		376,679	126,727
Pemberian dalam negeri		1,549,727	417,610
		1,926,406	544,337
Perbelanjaan lain			
Bayaran-bayaran lain		852,435	230,102
Susutnilai		2,285,131	1,626,768
		3,137,566	1,856,870
JUMLAH PERBELANJAAN		50,729,124	26,438,033
LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		6,725,549	7,227,506

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

2009	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Tabung & Akaun Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari	37,806,714	83,158,201	310,228	13,500,111	7,000,000	141,775,254
Pelarasan Tahun Lepas	50,921	-	-	122,871	-	173,792
Seperti yang dinyatakan semula Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	37,857,635 6,725,549	83,158,201 28,706,395	310,228 (59,534)	13,622,982 22,870,314	7,000,000 -	141,949,046 58,242,724
Baki pada 31 Disember 2009	44,583,184	111,864,596	250,694	36,493,296	7,000,000	200,191,770
2008						
Pada 1 Januari	30,579,208	33,611,590	48,228	189,700	-	64,428,726
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-
Seperti yang dinyatakan semula Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	30,579,208 7,227,506	33,611,590 49,546,611	48,228 262,000	189,700 13,310,411	- 7,000,000	64,428,726 77,346,528
Baki pada 31 Disember 2008	37,806,714	83,158,201	310,228	13,500,111	7,000,000	141,775,254

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebih pendapatan	6,725,549	7,227,506
Pelarasan:-		
Pelarasan tahun lepas	50,921	-
Susutnilai aset tetap	2,285,131	1,626,768
Manfaat pekerja	1,509,506	417,610
Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	10,571,107	9,271,884
Kurangan/(Tambahan) dalam penghutang	(1,153,730)	(458,112)
Kurangan/(Tambahan) dalam penghutang pelbagai dan deposit	(1,305,969)	(1,382,602)
(Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang	320,732	(1,636,218)
(Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang pelbagai	902,423	558,426
Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	9,334,563	6,353,378
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Belian aset tetap	(13,981,361)	(10,998,155)
Kerja dalam pembinaan	(21,510,864)	(48,389,695)
Geran tertunda - Pembangunan	28,706,395	49,546,611
Geran tertunda - Penyelidikan	(59,534)	262,000
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(6,845,364)	(9,579,239)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tambahan/(Kurangan) dalam pelbagai tabung	22,993,185	13,310,411
Tambahan/(Kurangan) dalam Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	-	7,000,000
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	22,993,185	20,310,411
Tambahan Bersih Dalam Aliran Tunai	25,482,384	17,084,550
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	55,822,046	38,737,496
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	81,304,430	55,822,046
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:-		
Baki di bank dan tunai di tangan	81,304,430	55,822,046
	81,304,430	55,822,046

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan bercirikan Keusahawanan bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

b. Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

c. Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2009 adalah seramai 437 orang.
(2008: 265 orang).

d. Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2009/2010 adalah seramai 676 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2009 adalah seramai 1,289 orang.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar Universiti adalah untuk memastikan risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan diuruskan bagi menjaga kepentingan Universiti dan mengawal risiko bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

a. Risiko Pasaran

Bagi tahun kewangan 2009, Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tiada sebarang pinjaman dan tiada pelaburan jangka panjang. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di Syarikat Kewangan berlesen.

b. Risiko Kredit

Risiko Kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko Kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

c. Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan UMK telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

b. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Geran Kerajaan bagi Belanja Mengurus diakaunkan berdasarkan asas tunai dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.
- ii. Geran Kerajaan bagi Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan diakaunkan ke akaun geran kerajaan tertunda.
- iii. Pendapatan yuran pengajian adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- iv. Geran Kerajaan untuk projek-projek penyelidikan diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan.
- v. Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan kecuali keuntungan atas simpanan tetap melalui skim mudharabah diiktiraf berdasarkan asas tunai mengikut tarikh matang.

c. Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut :-

i. Perolehan barangan dan perkhidmatan

Bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa serta dokumen-dokumen berikut telah diterima pada atau sebelum 10 haribulan tahun berikutnya:-

- a. Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- b. Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- c. Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- d. Bil atau inoivis daripada syarikat.

ii. Tuntutan – tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 10 haribulan tahun berikutnya.

d. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- ii. Bagi perabot dan kelengkapan pejabat, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- iii. Bagi pembelian langsir, permaidani, bidai dan pengadang, pinggan mangkuk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- iv. Susutnilai adalah berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan.
- v. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MASB iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:-

Bangunan dan pembaikan bangunan	2%
Infrastruktur dan kemudahan	5%
Kenderaan dan jentera	20%
Kelengkapan pejabat, perabot dan lengkapan	20%
Mesin dan komputer	20%
Kelengkapan elektrik/elektronik/perhubungan dan penyiaran	20%
Kelengkapan lain	20%
Peralatan makmal dan penyelidikan	20%

e. Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan dilakukan.

f. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

UMK menerima pakai keperluan MASB 29 iaitu manfaat pekerja jangka panjang. Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 48 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

g. Liabiliti Cukai Pendapatan

UMK telah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

h. Dasar Kemerosotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan.

Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

i. Polisi bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

4. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

a) MENGGURUS

TAHUN 2009	KOS				SUSUTNILAI				Nilai Buku 31.12.2009 RM
	Pada 1 Jan 09 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2009 RM	Pada 1 Jan 09 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2009 RM	
ASET TETAP									
- Kenderaan	3,813,252	1,739,331	-	5,552,583	1,276,929	891,740	-	2,168,669	3,383,914
- Komputer	2,103,606	1,467,776	-	3,571,382	374,270	532,289	-	906,559	2,664,823
- Kelengkapan									
- Elektrik	161,275	302,156	-	463,431	28,697	59,538	-	88,235	375,196
- Pejabat	15,145	65,980	-	81,125	6,058	4,754	-	10,812	70,313
- Perhubungan	7,000	-	-	7,000	2,800	1,400	-	4,200	2,800
- Fotografi	99,806	125,629	-	225,435	11,991	25,647	-	37,638	187,797
- Penyiaran	33,497	70,033	(23,497)	80,033	2,083	8,783	-	10,866	69,167
- Elektronik	144,995	162,658	-	307,653	32,199	42,665	-	74,864	232,789
- Perabot dan perabot lekapan kayu	91,620	123,942	-	215,562	8,136	21,708	-	29,844	185,718
- Hawa Dingin	11,560	4,000	-	15,560	256	2,379	-	2,635	12,925
- Alat kelengkapan perubatan	3,250	107,500	-	110,750	54	8,875	-	8,929	101,821
- Lain-lain	119,886	410,351	-	530,237	14,034	37,497	-	51,531	478,706
- Alat Kelengkapan Muzik	-	32,830	-	32,830	-	1,875	-	1,875	30,955
- Peralatan									
- Penyelidikan	456,441	570,654	-	1,027,095	42,062	102,652	-	144,714	882,381
- Bangunan & pembaikan bangunan	-	824,737	-	824,737	-	3,384	-	3,384	821,353
- Kemudahan & pembaikan kemudahan/pengubahsuaian	-	322,330	-	322,330	-	2,450	-	2,450	319,880
	7,061,333	6,329,907	(23,497)	13,367,743	1,799,569	1,747,636	-	3,547,205	9,820,538
JUMLAH	7,061,333	6,329,907	(23,497)	13,367,743	1,799,569	1,747,636	-	3,547,205	9,820,538

b) PEMBANGUNAN

TAHUN 2009	KOS				SUSUTNILAI				Nilai Buku 31.12.2009 RM
	Pada 1 Jan 09 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2009 RM	Pada 1 Jan 09 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2009 RM	
ASET TETAP									
Bangunan	12,100,000	-	-	12,100,000	242,000	242,000	-	484,000	11,616,000
Pembangunan & Pembaikan	10,325,311	992,951	-	11,318,262	206,506	226,365	-	432,871	10,885,391
Perabot	206,440	-	-	206,440	39,264	41,288	-	80,552	125,888
Alat Kelengkapan Bekalan Air	-	6,682,000	-	6,682,000	-	27,842	-	27,842	6,654,158
	22,631,751	7,674,951	-	30,306,702	487,770	537,495	-	1,025,265	29,281,437
JUMLAH	22,631,751	7,674,951	-	30,306,702	487,770	537,495	-	1,025,265	29,281,437
JUMLAH KESELURUHAN	29,693,084	14,004,858	(23,497)	43,674,445	2,287,339	2,285,131	-	4,572,470	39,101,975

a) MENGENAL

TAHUN 2008	KOS				SUSUTNILAI				
	Pada 1 Jan 08 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2008 RM	Pada 1 Jan 08 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2008 RM	Nilai Buku 31.12.2008 RM
ASET TETAP									
- Kenderaan	3,788,144	28,108	(3,000)	3,813,252	522,872	754,057	-	1,276,929	2,536,323
- Komputer	943,318	1,160,288	-	2,103,606	129,070	245,200	-	374,270	1,729,336
- Kelengkapan	130,666	30,609	-	161,275	-	28,697	-	28,697	132,578
- Elektrik	15,145	-	-	15,145	3,029	3,029	-	6,058	9,087
- Pejabat	7,000	-	-	7,000	1,400	1,400	-	2,800	4,200
- Perhubungan	12,085	87,721	-	99,806	-	11,991	-	11,991	87,815
- Fotografi	5,000	28,497	-	33,497	1,000	1,083	-	2,083	31,414
- Penyiaran	144,995	-	-	144,995	3,200	28,999	-	32,199	112,796
- Elektronik	-	91,620	-	91,620	-	8,136	-	8,136	83,484
- Perabot dan perabot lekapan kayu	-	11,560	-	11,560	-	256	-	256	11,304
- Hawa Dingin	-	3,250	-	3,250	-	54	-	54	3,196
- Alat kelengkapan perubatan	-	119,886	-	119,886	-	14,034	-	14,034	105,852
- Lain-lain	67,049	389,392	-	456,441	-	42,062	-	42,062	414,379
- Peralatan									
- Penyelidikan									
	5,113,402	1,950,931	(3,000)	7,061,333	660,571	1,138,998	-	1,799,569	5,261,764
JUMLAH	5,113,402	1,950,931	(3,000)	7,061,333	660,571	1,138,998	-	1,799,569	5,261,764

b) PEMBANGUNAN

TAHUN 2008	KOS				SUSUTNILAI				Nilai Buku 31.12.2008 RM
	Pada 1 Jan 08 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2008 RM	Pada 1 Jan 08 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2008 RM	
ASET TETAP Bangunan Pembangunan & Pembaikan Perabot	12,100,000	-	-	12,100,000	-	242,000	-	242,000	11,858,000
	1,295,327	9,029,984	-	10,325,311	-	206,506	-	206,506	10,118,805
	186,200	20,240	-	206,440	-	39,264	-	39,264	167,176
	13,581,527	9,050,224	-	22,631,751	-	487,770	-	487,770	22,143,981
JUMLAH	13,581,527	9,050,224	-	22,631,751	-	487,770	-	487,770	22,143,981
JUMLAH KESELURUHAN	18,694,929	11,001,155	(3,000)	29,693,084	660,571	1,626,768	-	2,287,339	27,405,745

5. PROJEK DALAM KEMAJUAN

	2009 RM	2008 RM
Baki pada 1 Januari	58,388,630	9,998,935
Pertambahan	<u>22,479,815</u>	<u>57,419,679</u>
	80,868,445	67,418,614
Diklasifikasi ke Aset Tetap		
- Naiktaraf Taman Bendahara	-	(9,029,984)
- Naiktaraf IPKB	<u>(968,951)</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u><u>79,899,494</u></u>	<u><u>58,388,630</u></u>

6. PENGHUTANG

	2009 RM	2008 RM
Penghutang	-	3,600
Penghutang pelajar	<u>1,619,820</u>	<u>462,490</u>
	<u><u>1,619,820</u></u>	<u><u>466,090</u></u>

7. PENGHUTANG PELBAGAI

	2009 RM	2008 RM
Penghutang pelbagai	<u>137,545</u>	<u>128,955</u>
	<u><u>137,545</u></u>	<u><u>128,955</u></u>

8. DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

	2009 RM	2008 RM
Bayaran perkhidmatan terdahulu	32,473	1,542
Deposit	<u>2,624,887</u>	<u>1,358,439</u>
	<u><u>2,657,360</u></u>	<u><u>1,359,981</u></u>

9. WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK

	2009 RM	2008 RM
Simpanan Tetap	4,398,204	4,300,000
Peruntukan Mengurus	43,794,871	22,786,880
Peruntukan Pembangunan	23,017,530	16,389,801
Akaun Pelajar	4,495,982	2,099,274
Peruntukan PFI	5,341,653	10,020,970
Akaun Amanah	242,361	212,538
Panjar Wang Runcit	1,276	5,000
Tunai di Tangan	12,553	7,583
	<u>81,304,430</u>	<u>55,822,046</u>

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di bank yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai.

10. PEMIUTANG

	2009 RM	2008 RM
Pemiutang pembekal	<u>1,436,752</u>	<u>1,116,020</u>
	<u>1,436,752</u>	<u>1,116,020</u>

11. DEPOSIT DAN PELBAGAI TERAKRU

	2009 RM	2008 RM
Pemiutang pelbagai	583,973	213,694
Perbelanjaan terakru	66,612	-
Pendapatan terdahulu	58,295	-
Deposit sewa	3,800	5,600
Liabiliti-liabiliti lain	409,037	-
	<u>1,121,717</u>	<u>219,294</u>

12. KUMPULAN WANG MENGURUS

	2009 RM	2008 RM
Baki Pada 1 Januari	37,806,714	30,579,208
Pelarasan tahun lepas	50,921	-
	<u>37,857,635</u>	<u>30,579,208</u>
Pemberian kerajaan	54,161,400	30,283,357
Yuran pelajar	2,850,150	1,421,791
Pendapatan lain	443,123	1,960,391
	<u>95,312,308</u>	<u>64,244,747</u>
Tolak :		
Emolumen	14,786,076	10,398,263
Perkhidmatan dan bekalan	30,879,076	14,056,173
Pemberian dan bayaran tetap	1,926,406	126,727
Perbelanjaan lain	852,435	230,102
Susutnilai tahunan	2,285,131	1,626,768
	<u>44,583,184</u>	<u>37,806,714</u>

13. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2009 RM	2008 RM
Baki pada 1 Januari	83,158,201	33,611,590
Pemberian Kerajaan		
- Pembangunan	17,000,000	35,000,000
- PFI	11,706,395	14,546,611
Baki pada 31 Disember	<u>111,864,596</u>	<u>83,158,201</u>

14. KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

	2009 RM	2008 RM
Baki Pada 1 Januari	310,228	48,228
Pemberian kerajaan	-	262,000
	<u>310,228</u>	<u>310,228</u>
Tolak: Perbelanjaan	(59,534)	-
Baki pada 31 Disember	<u>250,694</u>	<u>310,228</u>

15. PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH

	2009 RM	2008 RM
Kegiatan Pemajuan Pelajar	2,377,848	2,140,148
Persatuan mahasiswa UMK	624,175	554,300
Tabung kebajikan pelajar	1,189,801	1,054,738
Kegiatan kolej kediaman	1,093,167	1,035,680
Pengangkutan	919,650	680,900
Tabung Fakulti Keusahawanan & Perniagaan	16,475	220
Tabung Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum	2,337,050	2,033,600
Tabung Kursi Profesor Keusahawanan	4,000,000	4,000,000
Tabung Penyelidikan dan Konsultasi	2,026,241	2,000,000
Tabung Kesihatan (Pasca Siswazah)	2,455	525
Tabung Keusahawanan Universiti	21,000,000	-
Tabung Mobiliti Pelajar	500,000	-
Tabung Fakulti Agroindustri & Sumber Asli	176,916	-
Tabung Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan	9,859	-
Tabung Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah	1,550	-
Tabung ISME	181,345	-
Tabung Karniawan	15,200	-
Tabung Pembangunan Universiti	7,320	-
Tabung - tabung Lain	14,244	-
	<u>36,493,296</u>	<u>13,500,111</u>

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

	2009 RM	2008 RM
Tabung Pinjaman Kenderaan		
Baki pada 1 Januari	5,000,000	-
Pindahan : Kumpulan Wang Mengurus	-	5,000,000
Baki pada 31 Disember	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>
Tabung Pinjaman Komputer		
Baki pada 1 Januari	2,000,000	-
Pindahan : Kumpulan Wang Mengurus	-	2,000,000
Baki pada 31 Disember	<u>2,000,000</u>	<u>2,000,000</u>
Baki pada 31 Disember	<u>7,000,000</u>	<u>7,000,000</u>

17. MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG

	2009 RM	2008 RM
Gantian cuti rehat	<u>1,970,385</u>	<u>460,879</u>

18. PEMBERIAN KERAJAAN

	2009 RM	2008 RM
Peruntukan mengurus	<u>54,161,400</u>	<u>30,283,357</u>

19. YURAN PENGAJIAN

	2009 RM	2008 RM
Yuran pengajian	1,529,950	755,000
Yuran pendaftaran	41,435	16,800
Yuran perkhidmatan Universiti/Fakulti	68,205	48,090
Penginapan pelajar	952,020	490,371
Minggu mesra mahasiswa	127,000	67,200
Yuran perpustakaan	16,500	6,720
Kad matrik	31,875	16,800
Yuran alumni	4,100	1,700
Yuran graduasi & konvokesyen	4,960	2,040
Yuran penyelidikan	35,280	9,980
Yuran pelbagai (Sarjana)	6,950	7,090
Wang hemat diri	31,875	-
	<u>2,850,150</u>	<u>1,421,791</u>

20. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

	2009 RM	2008 RM
Terimaan dari agensi lain	2,370	684,014
Jualan borang tender dan sebutharga	30,880	9,920
Kursus jangka pendek (Industri)	-	3,100
Hasil sewaan	6,020	7,780
Faedah bank	205,601	113,479
Faedah simpanan tetap	98,204	-
Lain-lain pendapatan	750	980,709
Bayaran balik gaji	1,580	2,321
Denda dan hukuman	629	4,472
Pelbagai bayaran balik	2,249	-
Diskaun diterima	27,030	-
Hasil gantirugi projek	67,810	154,596
	<u>443,123</u>	<u>1,960,391</u>

21. PELARASAN TAHUN LEPAS DAN ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan tertentu telah diklasifikasikan amaunnya agar selari dengan persembahan penyata kewangan tahun semasa.